

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 16.10.2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) dari tahun 2000 hingga 2014, bilangan pelajar menduduki STPM setiap tahun; dan
- (b) bilangan pelajar STPM yang mendapat keputusan cemerlang iaitu PNGK/CGPA 4.0 sejak tahun 2000 hingga 2014 setiap tahun.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 809,315 orang pelajar telah menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai tahun 2000 hingga tahun 2014.
- (b) Bilangan pelajar STPM yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 dari tahun 2003 hingga tahun 2013 adalah seramai 4,718 orang.